



Guan Eng diiringi Zaiton (kiri) melancarkan Dana Pembiayaan Mampan (SDFF) di Kuala Lumpur. - NSTP/Aswadi Alias

KUALA LUMPUR 13 MAC : Bank Pembangunan Malaysia Bhd (BPMB) melancarkan Dana Pembiayaan Mapan (SDFF) RM1 bilion sebagai insentif kepada lebih banyak syarikat melaksanakan amalan kelestarian dalam strategi perniagaan dan operasi.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata pelancaran dana itu dijangka memacu pertumbuhan perniagaan ke arah lebih mapan dan berdaya tahan khususnya dalam memastikan keseimbangan antara keperluan pembangunan semasa negara serta melindungi sumber untuk masa depan.

"Dana berkenaan diadakan sebagai menyokong Agenda 2030 untuk Pembangunan Mapan serta membantu Malaysia mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mapan (SDG) yang mula berkuat kuasa Januari 2016, di bawah Program Pembangunan Bangsa Bersatu.

"Ia menawarkan pinjaman bagi tempoh lima tahun untuk perbelanjaan operasi dan sehingga 15 tahun bagi perbelanjaan modal, selain turut ditawarkan subsidi faedah sebanyak dua peratus," katanya pada pelancaran SDFF, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi BPMB, Datuk Zaiton Mohd Hassan. Dana berkenaan ditawarkan sehingga 31 Disember 2020 atau sehingga digunakan sepenuhnya.

Menerusi dana itu, BPMB akan menyediakan pembiayaan pada kadar subsidi sebanyak dua peratus kepada syarikat yang menunjukkan sumbangan berterusan terhadap 17 SDG.

SDFF adalah satu daripada tiga dana berasingan bernilai RM4.5 bilion di bawah Kementerian Kewangan yang memberi mandat kepada BPMB untuk menguruskannya di bawah Belanjawan 2019.

Pada majlis sama, Guan Eng turut mengumumkan inisiatif baharu, Dana Industri Pendidikan Mapan yang akan dilaksanakan oleh BPMB bagi menyokong usaha pendidikan dalam kalangan masyarakat yang bukan saja mementingkan penjagaan persekitaran, malah mencegah sebarang usaha merosakkan atau jenayah alam sekitar.

Mengulas inisiatif terbaharu itu, Zaiton berkata dana berkenaan akan dilancarkan secepat mungkin dan peringkat permulaan menyasarkan saiz dana berjumlah RM10 juta.

"Selain BPMB, kami juga akan mendapatkan kerjasama daripada rakan korporat lain untuk meningkatkan saiz dana berkenaan.

"BPMB akan menjadi sebagai penggerak utama, mengawal dan pengurus dana, manakala individu dan perbadanan turut digalakkan untuk menyumbang kepada dana itu," katanya.

---